BAB PERTAMA

KEPENTINGAN HADITH DAN SUNNAT DI DALAM SHARI'AT ISLAM.

BAB PERTAMA

KEPENTINGAN ḤADĪTH DAN SUNNAT DI DALAM SYARI'AT ISLAM.

Al Qur'ān adalah sumber utama di dalam perundangan Islam di mana ia terbukti sesuai bagi setiap masa dan tempat. Walaubagaimanapun adakalanya al Qur'ān hanya menerangkan isi pokok sesuatu perkara, dan ini memerlukan kepada huraian yang lebih panjang supaya ia dapat difahami dan dilaksanakan oleh umat manusia.

Sumber utama bagi menghurai isi isi pokok yang terdapat di dalam al Qur'ān ialah ḥadīth dan Sunnat Rasūlullāh (s.'a.w) di mana ia telah diiktiraf sebagai sumber kedua di dalam perundangan Islam. Dengan ini dapatlah dibuat satu kesimpulan bahawa ḥadīth dan sunnat mempunyai peranan yang penting dalam syari'at Islam kerana tanpanya agak sukar bagi umat Islam untuk melaksanakan apa yang telah diperintahkan oleh Allāh (s.w.t.) dan juga di dalam membuat ijtihad. Sebelum dibincang lebih lanjut tentang peranaan ḥadīth dan sunnat di dalam sya'riat Islam, maka terlebih dahulu diketahui tentang pengertiannya.

1.1. Pengertian Hadīth Dan Sunnat.

Untuk mengetahui pengertian hadīth dan sunnat samada dari sudut bahasa dan istilah, pengkaji memisahkan kedua perkataan mengikut makna asalnya.

Dari sudut bahasa perkataan al Hadīth adalah isim dari perkataan حديث yang bererti baharu atau perkhabaran samada perkhabaran itu sedikit atau banyak.[1]

Manakala perkataan Sunnat pula bererti jalan atau cara hidup samada yang terpuji atau tercela.[2]

Dari sudut istilah pula hadīth bermakdud setiap perkara yang disandarkan kepada Rasūlullāh (s.a.w.) sebelum atau sesudah dilantik menjadi Rasūl dari perbuataan, perkataan dan diam setuju.

---

[1] Ibn Manẓūr, Lisān al 'Arab, J.ii (Miṣr: Dār al Miṣriyyāt Li Ta'if. 1968) h. 436.

[2] Ibrahīm Muṣtafā dkk, Al Mu'jam al Wāsiṭ, J. i (Kahīrah: Maṭba'at Miṣr, 1962) h. 458.

Manakala Sunnat dari sudut istilah pula mempunyai berbagai bagai makna berdasarkan bidang kajian tertentu.

Menurut ulama Hadīth, Sunnat dari sudut istilah bererti segala sesuatu yang disandarkan kepada Rasūlullāh (s.'a.w.) samada dari perbuataan, perkataan, diam setuju, sifat samada sifat kejadian atau sifat akhlak, sirah samada sebelum atau sesudah diangkat menjadi rasul.

Ulama Usul Fekah pula menyatakan bahawa Sunnat dari sudut istilah ialah setiap perkara yang disandarkan kepada Nabī Mohammōd (s.'a.w.) selain dari al Qur'ān, samada dari segi perkataan, perbuatan atau diam setuju yang boleh dijadikan dalil bagi menetapkan hukum hukum syarak.[3]

Ulama Fekah pula mengatakan sunnat di sudut istilah ialah setiap sesuatu yang disabitkan kepada Rasūlullāh (s.'a.w.) yang bukan dari bab fardu atau wajib.[4]

---

[3] Muṣtafā al Sibā'i, Al Sunnat Wa Makānatuhū Fi al Tashri' al Islami, (Kahirah: Dār a' 'Aruba, 1961) h. 56

[4] Mohammād 'Ajāj al Khaṭīb, Usūl al Hadīth,(Lubnān : Dār Fikri al Hadith, 1967) h. 19.

Yang dimaksudkan dengan perbuatan dalam pengertian istilah di atas ialah:

a. Perbuatan dan tabiat biasa yang dilakukan oleh Rasulullah (s.a.w.) yang sama seperti orang biasa seperti makan, minum, dan sebagainya.

b. Perbuatan yang dilakukan dengan tujuan untuk menetapkan hukum yang terdapat di dalam nas nas al Qur'ān dan wajib diikuti oleh umatnya seperti mengerjakan Haji, sembahyang lima waktu dan lain lain.

c. Perbuatan yang dikhususkan kepada Rasūlullāh (s.a.w.) saja seperti kewajipan sembahyang Duha, harus beristeri lebih dari empat dan lain lain.

Manakala yang dimaksudkan dengan perkataan ialah penjelasan penjelasan yang diberikan oleh Rasūlullāh (s.a.w.) tentang hukum hukum dan anjuran anjurannya mengenai budi pekerti dan pergaulan bersama.

Yang dimaksudkan dengan diam setuju pula ialah penetapan dan pengakuan Nabi (s.a.w.) terhadap perbuatan para sahabat yang dilakukan di hadapan baginda atau disampaikan kepada

baginda tetapi baginda tidak mengurnya, yang bererti baginda telah menyetujuinya.

1.4. Perbezaan Di antara Hadīth Dan Sunnat.

Berdasarkan kepada pengertian Hadīth dan Sunnat dari sudut bahasa dan istilah, dapatlah dirumuskan bahawa terdapat dua pendapat mengenai hadīth dan sunnat iaitu;

a. Pendapat yang mengatakan tiada perbezaan antara keduanya.[5] Ini diutarakan oleh ulama Hadīth yang berpendapat bahawa kedua duannya dalah perkara perkara yang disandarkan kepada Nabi Mohammad samada dari segi perkataan, perbuatan dan diam setuju.

b. Pendapat yang mengatakan wujudnya perbezaan antara keduanya.[6] Ia diutarakan oleh Ulama Fekah dan Usul Fekah. Ulama Fekah mengatakan Sunnat adalah perkara yang disandarkan kepada Nabi Mohammad (s.'a.w.) selain dari al Qur'ān, samada dari segi

---

[5] Mohammad 'Ajāj al Khatib, Usul al Hadīth, (Lubnān: Dār Fikri al Hadīth, 1967) h. 19.

[6] Muhammad Bin Ismail, Metod Penyampaian Dan Penerimaan Hadith Di Zaman Rasulullah dan Sahabat, (Kuala Lumpur: ABIM, 1987) h. 6.

perbuataan, percakapan dan diam setuju yang boleh dijadikan dalil bagi menetapkan hukum syarak. Manakala Ulama Usul Fekah pula menyatakan sunnah ialah sesuatu yang disabitkan kepada Rasūlullāh (s.ʿa.w.) selain dari perkara perkara wajib.

Perbezaan ini adalah disebabkan perbezaan bidang kajian masing masing, di mana ahli Hadīth mengkaji dari segi perbuatan Rasūlullāh (s.ʿa.w.) yang dikira sebagai qudwat hasanat bagi umat manusia, mereka meneliti cara hidupnya, akhlaknya, sifat sifat kemuliannya, ucapannya, perbuatannya dan pengakuannya tanpa memandang dari segi hukum, samada wajib, sunat atau harus. Ahli ahli Fekah pula memandang dari segi hukum manakala ahli Usul Fekah pula memandang dari segi syari at kerana sesuatu yang datang dari Rasūlullāh (s.ʿa.w.) adalah mengambarkan dasar hukum, kemudian mereka memperluaskannya melalui ijtihad.[7]

Walaubagaimanapun dari penerangan di atas dapatlah disimpulkan bahawa keduanya tidak mempunyai perbezaan kerana masing masing merujuk kepada perkataan, perbuataan dan diam setuju Rasūlullāh (s.ʿa.w.).[8]

---

[7] Izz al Ddīn Bāliq, Minhāj al Salihūn, (Beirūt: Dār al Fath, 1978) h. 15.

[8] Subhi Salih, ʿUlum al Hadīth Wa Mustalah, (Beirūt: Dār ʿIlmi Lil Malayīn, t.t.) h. 9.

1.3. Pembahagian Hadīth Dan Sunnat.

Secara umumnya hadith terbahagi kepada dua jenis iaitu Hadīth Qudsi dan Hadīth Nabawi. Di sini akan dinyatakan makna kedua dua hadīth ini.

1.3.1. Hadīth Qudsi.

Ia itu hadīth yang disandarkan kepada Nabi " Mohamead (s. a.w.) yang berasal dari Allāh (s.w.t.), cuma lafaznya adalah lafaz Nabī Moḥammād (s.a.w.) contohnya dapat dilihat pada ḥadīth yang diriwayatkan oleh Abī Hurayrah:

«ثَلَاثَةٌ أَنَا خَصْمُهُمْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ. وَمَنْ كُنْتُ خَصْمَهُ خَصَمْتُهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ: رَجُلٌ أَعْطَى بِي، ثُمَّ غَدَرَ. وَرَجُلٌ بَاعَ حُرًّا فَأَكَلَ ثَمَنَهُ. وَرَجُلٌ اسْتَأْجَرَ أَجِيرًا فَاسْتَوْفَى مِنْهُ وَلَمْ يُوفِهِ أَجْرَهُ.»[10]

Menurut Ibn Hajar walaupun bilangan ḥadīth ini tidaklah sebanyak ḥadīth Nabawi, namun ia mencapai lebih dari seribu buah ḥadīth.

---

[9] Ibrahīm al Shawqī, Muṣṭalāḥ al Ḥadīth, (Kahīrah: Ṭabaqāt al Fanīyat al Muttahadah, 1971) h. 62.

[10] Ibn Mājah, Abū 'Abd Allāh Muḥammad Ibn Yazīd, S. Ibn Mājah, J.ii (Beirut: al Maktabah al 'ilmiyah, t.t.) lihat Kitab al Ruhun, bab ajri al ajra'. h. 816.

1.3.2. Hadīth Nabawi.

Ia itu hadīth yang disandarkan kepada Nabī Moḥammad (ṣ.'a.w.) dari segi perbuatan, perkataan dan diam setuju. Ia terbahagi kepada tiga jenis iaitu Hadīth Mutawātir, Hadīth Mashhur dan hadīth Ahad.

1.3.2.1. Hadīth Mutawātir.

Ia itu segala sesuatu yang diriwayatkan dari Rasūlullāh (ṣ.'a.w.) oleh sejumlah besar sahabat yang menurut adat kebiasaan adalah mustahil mereka itu sepakat untuk berbohong.[11]

Hadīth Mutawātir ini terbahagi kepada dua jenis iaitu Mutawātir Lafzi dan Mutawātir Ma'nawi.

a. Mutawātir Lafzi.

Ia itu apabila susunan dan isi kandungan sesebuah hadīth yang disampaikan oleh sekian banyak perawi tetap sama,[12] contoh

---

[11] Ajāj al Khatīb, Op.cit. h. 301.

[12] Mukhtar Yahya dan Fatchurrahman, Dasar Pembinaan Hukum Fiqh Islami, (Bandung: al Ma'rif, 1986) h.51.

ialah hadīth yang diriwayatkan oleh al Mughīrah:

«مَنْ كَذَبَ عَلَيَّ مُتَعَمِّدًا فَلْيَتَبَوَّأْ مَقْعَدَهُ مِنَ النَّارِ». [13]

b. Mutawatir Ma'nawi.

Ia itu hadīth yang berbeza susunan ayatnya antara satu sama lain, tetapi menerangkan perkara yang sama, contohnya: [14]

«إِنَّ رَبَّكُمْ حَيِيٌّ كَرِيمٌ. يَسْتَحْيِي مِنْ عَبْدِهِ أَنْ يَرْفَعَ إِلَيْهِ يَدَيْهِ، فَيَرُدَّهُمَا صِفْرًا (أَوْ قَالَ) خَائِبَتَيْنِ». [15]

Hadīth seperti ini diriwayatkan oleh lebih dari 100 orang sanad dengan ucapan yang berbeza tetapi mempunyai intipati yang sama ia itu sunat mengangkat tangan sewakta berdoa.

---

[13] Muslīm Abī Husyēin Muslīm Ibn Hajāj, S. Muslīm, J. 1 (Kahīrah Dār Kutub 'Arabīyah, 1955) lihat Muqadimat, Bab Taghlīẓ al Kadhīb 'Ala Rasūlullāh Ṣalallāh Ta'āla 'Alaihi wasallām, h. 10.

[14] Mukhtar Yahya dan Facthurrahman, Dasar Pembinaan Hukum Fiqh Islami, (Bandung: Al Maarif, 1983) h. 51.

[15] Ibn Mājah Abi 'Abd Allāh Muḥammād Ibn Yazid, Op. cit. J.1 lihat Kitab Doā', Bab Raf'i al Yadaini Fi Doā', h. 1271.

1. 5.2.2. Hadīth Mashūr.

Ia itu negala sesuatu dari Rasūlullāh (s. a.w.) yang diriwayatkan oleh sebilangan sahabat, tetapi tidak sampai mencapai darjat mutawātir, tetapi kemudiannya menjadi mutawātir di masa tabi'in dan sesudahnya,[16] seperti hadīth:

إنما الأعمال بالنية (٢). وإنما لامرئ ما نوى (١)[17]

Di zaman sahabat, hadīth ini hanya diriwayatkan oleh 'Umar Ibn al Khattāb, 'Abd Allāh, Ibn Mas'ūd dan Sayyīduna Abī Bakr. Di masa tabi'in hadīth ini diriwayatkan oleh sekian banyak periwayat yang mencapai darjat mutawātir.

c. Hadīth Ahad.

Hadīth ini diriwayatkan oleh seorang, dua atau lebih tetapi tidak mencapai tanap mashur atau mutawātir.[18] Ia banyak

---

16 'Ajāj al Khatīb, Op. cit. h. 30[illegible].

17 Muslim Abī Husyein Muslīm Ibn Hajāj, Op. cit. J.ii, lihat Kitab 'Imarah Kitab Kaul Salallāhualaihi Wasalām, h. 1515.

18 'Ajāj al Khatīb, Op. cit

didapati di dalam kitab kitab Sunan dan terbahagi kepada tiga bahagian ia itu;

a. Hadīth Sahīh.
b. Hadīth Hasaan.
c. Hadīth Da'īf.

Di sini akan diterangkan pengertian dan pembahagian ketiga tiga jenis hadīth ini.

a. Hadīth Sahīh.

Ia itu hadīth yang diriwayatkan oleh perawi yang adil dan kuat ingatan, yang bersambung dari awal sampai akhir tanpa sebarang kecacatan dan keganjilan.[19] Ia terbahagi kepada dua bahagian iaitu

i. Sahīh Lizāti.
ii. Sahīh Lighairi.

i. Sahīh Lizāti.

Ia itu hadīth yang diriwayatkan oleh perawi yang adil

---

[19] Ibrahīm al Shawqī, Op. cit. h. 14.

tetapi tidak begitu kuat ingatannya.[20]

ii. Sahīh Lighairi.

Hadīth yang diriwayatkan oleh perawi yang tidak memenuhi syarat penerimaan hadīth, di mana beliau ialah seorang yang tidak begitu kuat ingatannya.[21]

b. Hadīth Hassān.

Hadīth yang memenuhi semua syarat hadīth sahih kecuali kecuali di segi kekuatan ingatan, kerana kesemua perawinya atau sebahagian darinya lemah dari segi ingatan. Hadīth ini terbahagi kepada dua bahagian ia itu:

i. Hassān Lidhāti.
ii. Hassān Lighairi.

i. Hassān Lidhāti.

Hadīth yang memenuhi semua syarat hadīth sahīh kecuali

---

[20] Ibid. h. 506

[21] Ibid.

di segi ingatan, kerana kesemua perawinya atau sebahagiannya lemah dari segi ingatan.

ii. Hasān Lighairi.

Hadīth yang diriwayatkan oleh seorang perawi yang tidak diketahui tarafnya, tetapi beliau tidak melakukan banyak kesalahan dan bukanlah seorang pendusta walaupun terdapat sedikit perbezaan riwayatnya dengan perawi yang lebih tinggi darjatnya.

c. Hadīth Da'īf.

Ialah hadīth yang diriwayatkan oleh perawi yang tidak memenuhi syarat perawi ṣaḥīḥ dan ḥasān. Ia terbahagi kepada beberapa bahagian bergantung kepada sebab sebab yang membawa kepada da'īf. Sebab sebab ini tergolong kepada dua bahagian: iaitu:

a. Hadīth da'īf disebabkan sanad sanadnya tidak bersambung, di mana ia terbahagi kepada 5 jenis iaitu;

---

[22] Ibid. h. 329.

[23] Ibid.

[24] Ibid.

i. Hadīth Mursāl.

ii. Hadīth Munqata'.

iii. Hadīth Mu'adḍal.

iv. Hadīth Mudalas.

v. Hadīth Mu'alal.

Untuk mengetahui tentang ḥadīth ḥadīth ini eloklah dibicarakan secara ringkas tentangnya.

i. Hadīth Mursāl.

Ulama Ḥadīth mengetakan bahawa ḥadīth Mursal ialah hadīth yang diriwayatkan oleh tabi'in yang disandarkan kepada perbuatan, pengakuan dan perkataan Rasūlullāh (s.a.w.) dimana perawinya terdiri dari perawi yang tua dan muda, setengah ahlu ḥadīth tidak membezakan diantara para perawi ini, manakala sebahagian lagi hanya memilih pera perawi yang tua saja kerana mereka lebih hampir kepada Rasūlullāh (s.a.w.)[25]

Manakala menurut ulama Fekah dan Usuliyyin ḥadīth mursāl ialah ḥadīth yang diambil bukan dari sahabat.[26]

---

[25] Ibid. h. 535.

[26] Ibid. h. 536.

i. Tadlis al Isnad.

Hadīth ini diriwayatkan oleh perawi yang meriwayatkan hadīth dari mereka yang sezaman dengannya, yang pernah ditemui olehnya atau tidak pernah ditemuinya, tetapi beliau mendengar darinya dalam bentuk yang samar samar, contohnya hadīth ini diriwayatkan oleh sifulan.[50]

ii. Tadlis al Shuyūkh.

Perawi tidak bergantung kepada seorang sanad atau pada kesamaran hadīth yang didengarinya itu atau langsung tidak mendengarnya, bahkan perawi menamakan sheikh hadīth dengan gelaran, nasab atau sifat yang tidak diketahui ramai,[51] contohnya Abī Bakr Ibn Mujāhadah al Muqāri bahawa kami meriwayatkan dari 'Abd Allāh Ibn Abī 'Abd Allāh, yang dimaksudkan dengan 'Abd Allāh ialah 'Abd Allāh Ibn Abī Dāwūd al Sajistāni, yang lebih dikenali dengan panggilan Abī Dāwūd al Sajistāni yangmana lebih dikenali dengan Abi Dāwūd bukannya Abī 'Abd Allāh.

---

[50] Ibid. h. 338.

[51] Ibid.

i. Tadlis al Isnad.

Ḥadīth ini diriwayatkan oleh perawi yang meriwayatkan ḥadīth dari mereka yang sezaman dengannya, yang pernah ditemui olehnya atau tidak pernah ditemuinya, tetapi beliau mendengar darinya dalam bentuk yang samar samar, contohnya ḥadīth ini diriwayatkan oleh Sifulan.[30]

ii. Tadlis al Shuyūkh.

Perawi tidak bergantung kepada seorang sanad atau pada kesamaran ḥadīth yang didengarinya itu atau langsung tidak mendengarnya, bahkan perawi menamakan sheikh ḥadīth dengan gelaran, nasab atau sifat yang tidak diketahui ramai,[31] contohnya Abī Bakr Ibn Mujāhadah al Muqārī bahawa kami meriwayatkan dari 'Abd Allāh Ibn Abī 'Abd Allāh, yang dimaksudkan dengan 'Abd Allāh ialah 'Abd Allāh Ibn Abī Dāwūd al Sajistānī, yang lebih dikenali dengan panggilan Abī Dāwūd al Sajistānī yangmana lebih dikenali dengan Abī Dāwūd bukannya Abī 'Abd Allāh.

---

[30] Ibid. h. 338.

[31] Ibid.

ii. Hadīth Munqata'.

Hadīth yang gugur salah satu dari perawinya pada satu tempat atau banyak tempat, atau terdapat perawi yang samar di dalamnya.[27]

iii. Hadīth Mu'adal.

Ia itu hadīth yang gugur dua orang perawinya atau lebih berturut turut.[28]

iv. Hadīth Mudelsa.

Ia itu hadīth yang menyembunyikan keaiban perawi dan menonjolkan keistimewaannya. Ia terbahagi kepada dua bahagian ia itu:[29]

i. Tadlis al Isnad.

ii. Tadlis al Shuyūkh.

---

[27] Ibid. h. 337.

[28] Ibid. h. 338.

[29] Ibid.

v. Hadīth Mu'allal.

Ia itu hadīth yang ternyata mencat kecacatannya samada pada matan, sanad atau pada kedua duanya.

b. Hadīth Da'īf yang bersambung sanadnya. Ia mempunyai 6 bahagian ia itu:

i. Hadīth Mud'af.
ii. Hadīth Mudarab.
iii. Hadīth Maqalab.
iv. Hadīth Shāz.
v. Hadīth Matrūk Wa Matrūh.
vi. Hadīth Munkar.

i. Hadīth Mud'af.

Hadīth yang terhimpun semua kelemahanya. Setengah ulama mengatakan kelemahannya hanyalah pada sanad atau matan hadīth, dan kuat disudut lain tetapi masih ternyata kelemahan

---

[33] Ibid.

[34] Ibid.h. 231.

padanya.[34]

ii. Hadīth Mudarraj.

Hadīth yang diriwayatkan dalam bentuk yang berbeza di antara satu sama lain sehingga tidak dapat disatukan lagi. Walaubagaimanapun kesemua riwayat riwayat ini mempunyai mempunyai kekuataan yang sama.[35]

iii. Hadīth Muqalab.

Ia itu hadīth yang telah diterbalikkan rawinya pada sebahagian matannya atau pada sanad yang lain.[36]

iv. Hadīth Shāz.

Hadīth yang diriwayatkan oleh perawi yang adil yang kuat ingatan atau yang tidak kuat ingatannya dan berbeza dengan riwayat perawi yang lebih tinggi darjatnya.[37]

---

[34] Ibid. h. 241.

[35] Ibid.

[36] Ibid. h. 242.

[37] Ibid. h. 244

padanya.[34]

ii. Hadīth Mudarab.

Hadīth yang diriwayatkan dalam bentuk yang berbeza di antara satu sama lain sehingga tidak dapat disatukan lagi. Walaubagaimanapun kesemua riwayat riwayat ini mempunyai mempunyai kekuatan yang sama.[35]

iii. Hadīth Muqalab.

Ia itu hadīth yang telah diterbalikkan rawinya pada sebahagian matannya atau pada sanad yang lain.[36]

iv. Hadīth Shāz.

Hadīth yang diriwayatkan oleh perawi yang adil yang kuat ingatan atau yang tidak kuat ingatannya dan berbeza dengan riwayat perawi yang lebih tinggi darjatnya.[37]

---

[34] Ibid. h. [illegible].

[35] Ibid.

[36] Ibid. h. 542.

[37] Ibid. h. 544

v. Ḥadīth Matrūk wa Matrūh.

Ḥadīth yang diriwayatkan oleh perawi yang mempunyai kecenderungan untuk berbohong atau kefasikannya ternyata pada perbuatan dan percakapannya. Ḥadīth ini adalah ḥadīth Ḍa'if yang paling rendah martabatnya.[38]

vi. Ḥadīth Munkar.

Ḥadīth yang diriwayatkan dengan darjat periwayatan yang paling lemah.[39]

1.4. Pendapat Ulama Tentang Pengunaan Ḥadīth Ḥadīth Ḥasān Dan Ḍa'if Dalam Shari'at Islam.

1.4.1. Ḥadīth Ḥasān.

Para ulama berpendapat boleh berhujjah dengan Ḥadīth Ḥasān dan beramal dengannya.

---

[38] Ibid. h. 545.

[39] Ibid.

Setengah ulama seperti al Hakim, Ibn Habyb dan Ibn Khuzyamih berpendapat bahawa hadith hasan setaraf dengan hadith sahih.

1.4.2. Hadith Da'if.

Para ulama terbahagi kepada tiga puak dalam masalah penggunaan hadith da'if sebagai sumber hujjah.

Mazhab Pertama: Tidak boleh beramal dengan hadith da'if dalam dalam semua segi.

Pendapat ini dikeluarkan oleh Mazhab Ibn Hazmin yang terdiri dari Haykah Ibn Saydul Nas, Abi Bakr al 'Araby dan lain lain.

Mazhab Kedua: Boleh beramal dengan hadith da'if dalam semua hal.

Pendapat ini dikeluarkan oleh Imam Abi Dawud. Ibn Qayyim mengatakan yang dimaksudkan dengan hadith da'if di sini ialah hadith da'if yang termasuk di dalamnya sahih dan Hasan. Sekiranya tidak didapati faktor faktor penolakan terhadapnya dan sekiranya perkara yang dibincangkan itu tidak terdapat di dalam hadith lain, maka adalah lebih baik menggunakan hadith ini dari menggunakan qias.

Mazheb ketiga: Boleh beramal dengan hadīth da'if dalam hal hal yang berkaitan dengan kemuliaan sekiranya ia menenuhi beberapa syarat berikut.

1. Keda'ifannya tidak seriun, di mana ia menjadi da'if kerana perawinya berdusta atau disyak berdusta.

2. Amal perbuatan yang ditunjukkan oleh hadīth da'if tersebut terdapat di dalam hadīth lain yang lebih tinggi martabatnya.

3. Tidak mengiktikadkan ianya benar benar datang dari Nabi (s. a.w.) ketika mengamalkannya. Sesungguhnya pengamalannya itu adalah atas dasar berhati hati semata mata.

9.5. Hubungan Hadīth Dan Sunnat Dengan Al Qur'ān.

Al Qur'ān diturunkan kepada manusia sebagai petunjuk untuk menjalani kehidupan seharian di samping bekalan untuk hari akhirat. Oleh kerana terdapat sebahagian dari ayat ayat yang diturunkan dengan lafaz yang ringkas dan maksudnya tidak dapat diketahui dengan jelas. Keadaan ini memerlukan kepada penghuraian dari Rasūlullāh (s. a.w.) melalui sunnat, dengan ini sunnat memainkan peranan yang penting dalam menjelaskan intipati al Qur'ān. Antara peranan yang dijalankan oleh

sunnat adalah seperti berikut;

a. Sunnat menguatkan nas nas al Qur'ān.

Al Qur'ān walaupun mempunyai ayat ayat yang cukup jelas serta mudah difahami, namun ia masih memerlukan kepada sunnat untuk menguatkannya dan untuk menerangkan intisari al Qur'ān, contohnya pada hadīth berikut:

بُنِيَ الإِسْلَامُ عَلَى خَمْسٍ، شَهَادَةِ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللهُ، وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللهِ، وَإِقَامِ الصَّلَاةِ، وَإِيتَاءِ الزَّكَاةِ، وَالْحَجِّ، وَصَوْمِ رَمَضَانَ [41]

Islam didirikan di atas lima rukun: shadat bahawa tiada Tuhan yang lain yang berhak disembah melainkan Allāh, Nabī Muḥammād (ṣ.'a.w.) adalah Rasūlullāh, mendirikan sembahyang, mengeluarkan zakat, mengerjakan haji dan puasa bulan Ramadhan.

Hadīth ini menguatkan firman Allāh (s.w.t.)

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ مِنْ قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ [42]

---

[40] Mukhtar Yahya dan Fatchurrahman, Op. cit. h. 44

[41] Bukhārī Mohammād Ibn Ismā'īl, S. Bukhārī, J. 1 (Istanbul: Dar Sha'b, 1936) lihat Kitab Iman, Bab: Dohukum Imānukum, h. 9

[42] S. al Baqarāt; a. 183.

Wahai orang orang yang beriman, kamu diwajibkan berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang orang yang terdahulu daripada kamu, supaya kamu bertaqwa.

b. Sunnat menghuraikan nas nas al Qur'ān yang mujmal.[43]

Di dalam al Qur'ān terdapat nas nas yang ringkas yang memerlukan kepada keterangan dari sunnat untuk diperaktikkan, contohnya firman Allāh (s.w.t.):

فَإِذَا قَضَيْتُمُ الصَّلَوٰةَ فَاذْكُرُوا اللَّهَ قِيَامًا وَقُعُودًا وَعَلَىٰ جُنُوبِكُمْ ۚ فَإِذَا اطْمَأْنَنتُمْ فَأَقِيمُوا الصَّلَوٰةَ ۚ إِنَّ الصَّلَوٰةَ كَانَتْ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ كِتَابًا مَّوْقُوتًا [44]

Kemudian apabila kamu telah selesai mengerjakan sembahyang, maka hendaklah kamu menyebut dan mengingati Allāh semasa kamu berdiri atau duduk, dan semasa kamu berbaring. Kemudian apabila kamu merasa tenteram, maka dirikanlah sembahyang itu. Sesungguhnya sembahyang itu adalah satu ketetapan yang diwajibkan atas orang orang yang beriman, yang tertentu waktunya.

Ayat ini dikira ringkas kerana ia tidak menerangkan cara cara sembahyang dan waktunya, lalu diterangkan tentang cara cara sembahyang melalui ḥadīth Rasūlullāh (ṣ. a. w.):

---

[43] Muhammad Bin Ismail, Op. cit. h. 19.

[44] S. al Nisā'; a. 103.

« إذا قمت إلى الصلاة فكبر ، ثم اقرأ ما تيسر معك من القرآن ، ثم اركع حتى تطمئن راكعا ، ثم ارفع حتى تعتدل قائما ، ثم اسجد حتى تطمئن ساجدا ، ثم اجلس حتى تطمئن جالسا ، ثم افعل ذلك في صلاتك كلها » 45

Apabila engkau berdiri betul maka takbirlah, kemudian bacalah mana mana ayat al Qur'an yang mudah bagi engkau, kemudian rukuklah hingga tetap, kemudian engkau sujud hingga tetap, kemudian engkau duduk hingga tetap. Demikian seterusnya engkau lakukan dalam segala ibadat sembahyang engkau.

Manakala tentang waktu waktu yang diwajibkan sembahyang diterangkan dalam hadith Rasūlullāh (s. a.w.) iaitu:

كان يصلي الظهر بالهاجرة ، وتقبر الشمس حية ، ويصلي العصر والشمس حية ، وإذا كان في الشتاء عجل ، وإذا كان في الصيف أخر ، والصبح بغلس 46

Sesungguhnya Rasūlullāh (s. a.w.) sembahyang zuhur ketika gelincir matahari, sembahyang 'Asar ketika matahari masih tinggi dan bersinar, sembahyang maghrib ketika matahari tenggelam dan sembahyang Isyak ketika di kaki langit gelap dan kadang kadang baginda melewatkannya sehingga manusia berkumpul, dan baginda sembahyang subuh ketika malam masih kelam

---

45 Abī Dāwūd Abī Dāwūd Sulaymān Ibn Ash'āth, S. Abī Dāwūd, J. 1 (Kahirah: Dār Ihyā al Sunat ul Tabwiyah, 1952) lihat Kitab Ṣalāt, Bab: Ṣalāt man la Yuqīmu Sulbihi Fi Rukū' Wa Sujūd, h. 230.

46 Abī Dāwūd Abī Dāwūd Sulaymān Ibn Ash'āth, Op. cit. lihat Kitab Ṣalāt Bab: Wakt Salāt Nabī Salallāhualaihi Wassalām Wa Kaifa Kānā Yusalliha, h. 109.

c. Mengkhususkan maksud nas yang umum.[47]

Di dalam al Qur'ān terdapat ayat ayat yang mempunyai maksud yang umum, seperti firman Allāh (s.w.t.):

يُوصِيكُمُ اللَّهُ فِي أَوْلَادِكُمْ لِلذَّكَرِ مِثْلُ حَظِّ الْأُنثَيَيْنِ [48]

Allāh perintahkan kamu mengenai (pembahagian harta pusaka untuk) anak anak kamu ia itu seorang anak lelaki menyamai bahagian dua orang anak perempuan.

Hukum di dalam ayat ini secara umum menerangkan bahawa setiap anak akan mewarisi harta orang tuanya, lalu Sunnat mengeluarkan ketentuan ini bagi semua para nabī dengan sabda Rasūlullāh (s.'a.w.):

لَا نُورَثُ مَا تَرَكْنَا صَدَقَةٌ [49]

Kami para rasul tidak diwarisi kerana segala peninggalan kami menjadi sedekah.

---

47 Mohammad Thalib, Ilmu Usul Fiqh,(Surabaya: Bina Ilmu, 1977) h. 78

48 S. al Nisā', a: 11

49 Bukhārī Mohammād Ibn Isma'īl, Op. cit, J. vii, lihat Kitab Farāid Bab: Qawlu Nabī, h. 187.

Begitu juga sunnat menerangkan tentang halangan bagi menerima pusaka, sebagaimana yang terdapat di dalam hadīth ini

«لَيْسَ لِقَاتِلٍ شَيْءٌ» [47]

Pembunuh tidak mendapat apa apa dari harta pusaka orang yang dibunuhnya.

d. Menerangkan nas al Qur'ān yang mutlak.

Terdapat ayat ayat al Qur'ān yang diturunkan secara mutlak ia itu maksudnya tidak mempunyai had had tertentu, seperti ayat berikut:

۞ وَلَكُمْ نِصْفُ مَا تَرَكَ أَزْوَاجُكُمْ إِن لَّمْ يَكُن لَّهُنَّ وَلَدٌ فَإِن كَانَ لَهُنَّ وَلَدٌ فَلَكُمُ الرُّبُعُ مِمَّا تَرَكْنَ مِن بَعْدِ وَصِيَّةٍ يُوصِينَ بِهَا أَوْ دَيْنٍ [49]

---

47 Abī Dāwūd Abī Dāwūd Sulaymān Ibn Ash'ath, Op. cit, lihat Kitab al Diyāt, Bab: Diyat al a'da, h. 496.

48 Mohd. Napiah Bin Abdullah, Peranan Dan Metodology Hadith, (Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri, 1986) h. 19.

49 S. al Nisā': 4. 12

> Dan bagi kamu seperdua dari harta yang ditinggalkan oleh isteri isteri kamu jika mereka tidak mempunyai anak. Tetapi jika mereka mempunyai anak maka kamu beroleh seperempat dari harta yang mereka tinggalkan sesudah ditunaikan wasiat yang mereka wasiatkan dan sesudah dibayar hutangnya.

Ayat ini tidak membatasakan kadar yang harus diwasiatkan, lalu Rasūlullāh (s.'a.w.) membatasakannya berdasarkan jawapan yang diberikan kepada salah seorang sahabat melalui sabdanya:

: يا رسول الله ، إن لي مالاً كثيرا وليس يرثني إلا ابنتي ، أفأتصدق بالثلثين ؟ قال : « لا » قال : فبالشطر ؟ قال : « لا » قال : فبالثلث ؟ قال : « الثلث ، والثلث كثير ، إنك أن تترك ورثتك أغنياء خير من أن تدعهم عالة يتكففون الناس » [50]

> Wahai Rasūlullāh! Aku mempunyai harta yang banyak dan aku tiada mempunyai waris untuk menerimanya, hanya seorang anak perempuan saja. Adakah harus aku bersedekah 2/3 daripadanya, baginda menjawab" tidak" Lelaki itu bertanya lagi kalau aku bersedekah 1/2 daripadanya, baginda menjawab tidak, lelaki itu bertanya lagi kalau dengan 1/3, baginda menjawab boleh dan 1/3 itu adalah banyak dan besar. Sebab jika kamu meninggalkan ahli waris kamu dalam keadaan kecukupan adalah lebih baik dari kamu meninggalkan mereka dalam keadaan miskin dan meminta minta.

---

50 Abī Dāwūd Abī Dāwūd Sulaymān Ibn Ash'ath, Op. cit, J. II lihat Kitab al Wasāya, Bab: Mā Ja'ā Fī Mā Yajuz Fī Malihi, h. 101.

c. Sunnat Menambahkan Hukum Hukum Yang Terdapat Asasnya Di Dalam al Qur'ān.[51]

Hal ini bukanlah bererti yang Rasūlullāh (s.a.w.) mengubah undang undang sendiri tetapi ia juga berlandaskan samada kepada al Qur'ān atau wahyu secara ilham atau taufik dari Allāh (s.w.t.) sebagaimana firman Allāh (s.w.t.):

إِنْ هُوَ إِلَّا وَحْيٌ يُوحَىٰ [52]

Segala yang diperkatakan itu (samada al Qur'ān atau hadith) tidak lain hanyalah wahi yang diwahikan kepadanya.

Salah satu contoh hukum baru yang terdapat di dalam sunnat Rasūlullāh adalah mengenai larangan memakan binatang bertaring sebagaimana sabda baginda:

نهى رسول الله ﷺ يوم خيبر، عن أكل كل ذي ناب من السباع، وعن كل ذي مخلب من الطير [53]

---

[51] Muhammad Bin Ismail, Op. cit. h. 24.

[52] S. al Najm: a. 4.

[53] Ibn Mājah Abu 'Abd Allāh Muhammad Ibn Yazid, S. Ibn Mājah, J. II (Istanbul, Cagri Yayinlari, 1981) Lihat Kitab Sayid, Bab Akl Kulli Zi Nabis Min Sibā.

1.6. Pendapat Para Ulama Tentang Kedudukan Sunnat Sebagai Sumber Kedua Selepas al Qur'ān.

Para ulama telah sepakat menyatakan bahawa sunnat sebagai sumber kedua dalam perundangan Islam selepas al Qur'ān ini dapat dilihat dari pendapat mereka tentang peranan Sunnat itu, antara mereka ialah:

a. Imam Shafei, yang menyatakan bahawa segala apa yang telah dihukumkan oleh Rasūlullāh (s.'a.w.) itu semuanya dari apa yang telah difahami dari al Qur'ān dan semua Sunnat adalah penjelasan bagi al Qur'ān.[54]

b. Imam al Auza'ī berpendapat bahawa al Qur'ān lebih berhajat kepada Sunnat dari Sunnat berhajat kepada Kitab al Qur'ān.[55]

c. Imam Ibn 'Abd Barrī berpendapat bahawa Sunnat itu yang menghukumkan al Qur'ān dan menerangkan apa yang dimaksudkan daripadanya.[56]

---

[54] K. H. Moenawar Chalil, Kembali Kepada al Qur'ān Dan Sunnat, (Jakarta: Bulan Bintang, 1973) h. 219.

[55] Abu Husny, Pembinaan Perundangan Hukum Islam, (Singapura: Pustaka Nasional, 1959) h. 62

[56] K. H. Moenawar Chalil, Op. cit

e. Imam Yahya Ibn Abi Kathīr sependapat dengan Imam al Auza'y bahwa Sunnat yang menghukum al Qur'ān dan bukan sebaliknya.

1.7. Tuntutan Supaya Beramal Dan Mentaati Sunnat.

Sebagaimana yang telah diketahui bahwa Sunnat adalah sumber kedua dalam kehidupan umat Islam yang disandarkan pada Rasūlullāh (s.a.w.) dari perkataan, perbuatan dan persetujuan secara diam yang merupakan ilham dari Allāh (s.w.t.). Jadi memandangkan kepada kedudukan ini maka umat Islam dituntut supaya beramal dengannya. Hal ini dapat dibuktikan berdasarkan hujjah dari al Qur'ān, Sunnat dan Ijma' berikut:

1.7.1. Al Qur'ān.

Di dalam al Qur'ān terdapat banyak ayat ayat yang menyuruh umat Islam berpegang teguh dengan Sunnat sebagaimana Firman Allāh (s.w.t.):

مَا كَانَ اللَّهُ لِيَذَرَ الْمُؤْمِنِينَ عَلَىٰ مَا أَنتُمْ عَلَيْهِ حَتَّىٰ يَمِيزَ الْخَبِيثَ مِنَ الطَّيِّبِ ۗ وَمَا كَانَ اللَّهُ
لِيُطْلِعَكُمْ عَلَى الْغَيْبِ وَلَٰكِنَّ اللَّهَ يَجْتَبِي مِن رُّسُلِهِ مَن يَشَاءُ ۖ فَآمِنُوا بِاللَّهِ وَرُسُلِهِ ۚ وَإِن
تُؤْمِنُوا وَتَتَّقُوا فَلَكُمْ أَجْرٌ عَظِيمٌ [57]

---

[57] S. al Imrān, a: 179.

> Allāh tidak sekali kali akan membiarkan orang orang membiarkan orang orang yang beriman dalam keadaan yang kamu sekarang (bercampur aduk mu'min dan munafik bahkan Ia tetap mengujimu kamu) sehingga Ia memisahkan yang buruk (munafik) daripada yang beriman. Dan Allāh tidak sekali kali akan memperlihatkan kepada kamu perkara perkara yang ghaib, akan tetapi Allāh memilih dari Rasūl rasūlnya seperti yang dikehendaki (Untuk memperlihatkan kepadanya perkara perkara ghaib itu) Oleh itu berimanlah kamu kepada Allāh dan Rasūl rasūlNya, dan jika kamu beriman dan bertaqwa, maka kamu akan beroleh pahala yang besar.

Yang dimaksudkan beriman kepada Allāh ialah beriman dengan al Qur'ān, manakala beriman dengan Rasūl rasulnya ialah melalui sunnah.

Terdapat juga ayat al Qur'ān yang menegah umat Islam dari berpaling mentaati Allāh dan Rasūlnya sebagaimana Firman berikut:

قُلْ أَطِيعُوا اللَّهَ وَالرَّسُولَ ۖ فَإِن تَوَلَّوْا فَإِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الْكَافِرِينَ [58]

> Katakanlah (wahai Muhammad): Taatilah kamu kepada Allāh dan Rasūlnya, oleh itu jika kamu berpaling, maka sesungguhnya Allāh tidak suka kepada orang orang kafir.

---

[58] Ibid. ms 32.

Begitu juga terdapat hadith hadith yang menegah orang Islam dari membelakangkan Sunnah seperti hadith berikut:

لا ألفين أحدكم متكئا على أريكته يأتيه الأمر من أمري مما أمرت به أو نهيت عنه فيقول لا أدري ما وجدنا في كتاب الله اتبعناه [60]

Jangan sekali aku dapati seorang dari kamu yang sedang berada di tempat duduknya, kemudian datang satu perkara dariku dengan perkara itu aku suruh atau aku larang, kemudian dia berkata aku tidak tahu apa yang terdapat di dalam kitab Allah sahaja yang kami ikut.

1.7.5. Ijma'.

Ulama Islam telah bersepakat tentang kewajipan beramal dengan sunnah Rasūlullāh yang sabit kesahihannya. Ini dilihat dari kata Khalifah 'Umar al Khattāb:

لقد علمت انك حجر واني لأعلم انك حجر وانك لا تضر ولا تنفع فاراد به بيان الحث على الاقتداء برسول الله تقبيله

Tirmidhī, Abī 'Isa Mohammad Ibn 'Isa, S. Tirmidhī, (Misr: Mustafā al Babi al Halabi Wa awladihu, 1979) lihat Kitab: al 'Ilm, Bab, Mā Nahiya An Yuqala 'Inda Hadithi al Nabī, h. 57

Al Shaibāni Ahmad Ibn Hanbal, Musnad, J. ii (Kahirah: Dār al Shihāb, t.t.) lihat Kitab Hajj, Bab: Qauli Ibn 'Umar Innī la a'lam Inka Hajr, h. 38.

> Sesungguhnya aku mengetahui bahwa engkau (Hajr al Aswad) adalah batu, jika tidak aku melihat orang yang aku kasihi iaitu Rasūlullāh (s. a. w.) mengucup engkau nescaya tidak aku cukup engkau. Sesungguhnya Rasūlullāh itu adalah contoh yang baik.

Kesimpulannya sunnat adalah sumber yang penting bagi umat Islām seperti juga al Qur'ān, di mana kedua duanya saling berkaitan dalam usha untuk memudahkan umat Islām menghayatinya dan memperaktiknya. Ia juga memberi panduan kepada umat Islām, seterusnya untuk berijtihād dalam sebarang masalah sehingga dapat dibuktikan tentang keserasiannya dalam sebarang masa dan tempat.